

Pelaksanaan Hibah Amanah Di Institusi-Institusi Perancangan Harta Islam Di Malaysia

(*The Implementation of Hibah Amanah In Islamic Estate Planning Institutions In Malaysia*)

UBAIDULLAH ASYRAF AHMAD SHOKERI, RUZIAN MARKOM & MOHD IZZAT
AMSYAR MOHD ARIF

ABSTRAK

Pada era globalisasi, masyarakat Islam khususnya di Malaysia telah mula celik dan cakna dalam memilih instrumen perancangan harta yang bersesuaian bagi mengekang perkara-perkara berbangkit setelah berlaku kematian. Malah, masyarakat mulai sedar tentang pemilihan instrumen perancangan harta yang patuh kepada Hukum Syarak dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Seiring dengan perkembangan tersebut, institusi-institusi perancangan harta Islam di Malaysia telah mula mengorak langkah ke hadapan dengan melakukan beberapa inovasi bagi memenuhi permintaan masyarakat tersebut termasuklah pengenalan produk hibah amanah. Sebaliknya, terdapat isu lain yang timbul di mana produk hibah amanah yang diperkenalkan oleh sesetengah institusi perancangan harta Islam di Malaysia telah dicabar pelaksanaannya oleh ahli waris hingga menatijahkan pelbagai polemik kerana ketidakselarasan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Hakim di Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji konsep hibah amanah yang selaras dengan undang-undang dan Hukum Syarak. Kedua, untuk menganalisis dan membuat perbandingan produk hibah amanah yang ditawarkan oleh institusi-institusi perancangan harta Islam di Malaysia serta mengenal pasti kelompongan undang-undang yang wujud dalam pelaksanaan hibah amanah tersebut bersandarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara di Mahkamah Syariah di Malaysia. Ketiga, kajian ini juga adalah untuk mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada agar hibah amanah dapat dilaksanakan secara berkesan dan selaras di seluruh Malaysia tanpa ada sebarang pertikaian lagi. Kajian ini mengaplikasikan kaedah doktrin perundungan. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis data daripada kajian kepustakaan. Data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat produk hibah amanah yang diiktiraf dan ditolak oleh Mahkamah Syariah atas beberapa faktor. Pemain industri, pengamal undang-undang dan ahli akademik dicadangkan berganding bahu untuk meminda dan mewujudkan statut khusus berkaitan dengan hibah bagi menghentikan polemik isu ini. Dicadangkan juga bagi kajian masa hadapan untuk menstrukturkan produk hibah amanah di Malaysia supaya dapat dijadikan rujukan oleh negara-negara lain.

Kata kunci: Hibah Amanah, Undang-undang, Institusi Perancangan Harta Islam, Mahkamah Syariah

ABSTRACT

In this era of globalization, the Muslim community, especially in Malaysia, has begun to be literate and discerning in choosing the appropriate property planning instruments to curb matters arising after their death. In fact, the community is beginning to be aware of the selection of property planning instruments that comply with the Sharia Law and the law in force. Along with these developments, Islamic wealth planning institutions in Malaysia have begun to take steps forward by carrying out several transformations and innovations to meet the demands of the community, including the introduction of trust grant products. In addition, there is another issue that has arisen where the trust grant product introduced by some Islamic estate planning institutions in Malaysia has been challenged for its implementation by the heirs to the point of causing various polemics due to the inconsistency of the decisions made by the Syariah Court. Therefore, this study examines the concept of trust grant that is in

line with the law and Hukum Syarak. Second, to analyse the trust grant products offered by Islamic estate planning institutions in Malaysia and identify the gaps that exist in the implementation of the trust grant based on the cases that have been decided by the Syariah Court in Malaysia. Third, this study is also to suggest improvements to the existing law so that trust grants can be implemented effectively and in harmony throughout Malaysia without any further disputes. This study is a qualitative study that applies the legal doctrinal method. The document analysis method was used to analyse the data from the literature review. This data was analysed using inductive and deductive methods. The results of the study found that there are trust grant products that are recognized and rejected by the Syariah Court. This data was analysed using inductive and deductive methods. The results of the study found that there are trust grant products that are recognized and rejected by the Syariah Court. Industry players, legal practitioners and academics are suggested to join hands to amend and create a specific statute to stop the polemic of this issue. It is also recommended for future studies to structure the trust grant product in Malaysia so that it can be used as a reference by other countries.

Keywords: Hibah Amanah, Law, Islamic Estate Planning Institution, Syariah Court

PENGENALAN

Sejajar dengan perkembangan ilmu, kesedaran masyarakat dan tuntutan semasa, pelbagai institusi telah menjadikan hibah sebagai salah satu kaedah yang ditawarkan sebagai produk perancangan harta Islam di tempat mereka. Dalam konteks industri, produk hibah telah dikomersialkan oleh institusi-institusi seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, As-Salihin Trustee Berhad, CIMB Trustee, Tabung Haji, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Prudential BSN Takaful Berhad.¹ Hibah telah dikembangkan dan digabungkan dengan produk lain seperti hibah bersyarat, hibah harta bercagar, hibah dengan syarat balasan dan termasuklah hibah amanah.² Di Malaysia, hibah amanah telah menjadi salah satu alternatif dalam pengurusan harta Islam yang membenarkan seseorang untuk memindahkan pemilikan hartanya ke dalam bentuk dana amanah. Dalam masa yang sama, individu tersebut masih boleh mengekalkan kawalan penuh dan menggunakan harta amanah tersebut semasa hayatnya dengan beberapa syarat.³

Institusi yang menawarkan produk hibah menyediakan perkhidmatan lantikan pemegang amanah terhadap sesuatu harta sama ada aset tersebut merupakan harta alih atau tak alih.⁴ Maka, institusi yang telah dilantik akan menjadi pemegang amanah iaitu pihak ketiga yang terlibat dalam perjanjian hibah yang dimeterai antara

penghibah dan penerima hibah. Berdasarkan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam surat ikatan amanah, pemegang amanah yang telah dilantik bertanggungjawab untuk mengendalikan harta hibah tersebut. Lantikan tersebut dilakukan secara formal menerusi dokumen bertulis iaitu surat hibah dan surat ikatan amanah sebagai bukti telah berlaku pemberian dan penerimaan yang jelas oleh kedua-dua pihak. Hal ini jelas memudahkan pengurusan harta pusaka dengan lebih cepat setelah kematian penghibah melalui lantikan pemegang amanah.

Pemegang amanah bagi instrumen hibah berfungsi sebagai wakil kepada pihak penghibah dan penerima hibah bagi tujuan penyerahan dan pengambil milikan harta hibah menerusi pendaftaran surat kuasa wakil. Dalam beberapa keadaan seperti kematian penghibah, pemegang amanah akan bertindak bagi pihak penghibah dengan menyerahkan aset hibah kepada penerima hibah. Di samping itu, pemegang amanah juga boleh mewakili penerima hibah yang masih kanak-kanak atau orang yang kurang kemampuan akalnya. Dalam situasi berkenaan, pemegang amanah dibolehkan untuk bertindak bagi pihak penerima hibah untuk melafazkan *sighah qabul* dan menandatangani surat ikatan amanah sebagai bukti penerimaan aset hibah. Secara ringkasnya, tugas pemegang amanah adalah untuk menguruskan pertukaran hak milik mengikut hasrat yang

dinyatakan oleh pembuat amanah iaitu pemberi hibah sehingga selesai segala urusan yang berkaitan.⁵

Sebenarnya, idea pelaksanaan hibah amanah ini tercetus daripada timbulnya konflik harta pusaka tertunggak di Malaysia yang semakin hari semakin meningkat dan tidak berkesudahan. Hal ini berpunca daripada kegagalan masyarakat untuk melaksanakan sistem pusaka dengan cara yang betul termasuklah beberapa faktor dalaman seperti sikap ahli waris, karenah birokrasi dan lain-lain lagi. Kesannya, setelah kematian pemilik tanah, banyak hartanah terbiar dan tidak dapat dibangunkan dengan berkesan. Oleh yang demikian, inovasi hibah amanah ini adalah untuk menangani permasalahan-permasalahan yang berbangkit di kemudian hari iaitu selepas pemilik harta meninggal dunia.

Sekalipun hibah amanah dikatakan mekanisme terbaik dalam perancangan harta berbanding instrumen lain disebabkan manfaat yang banyak seperti membantu menyelesaikan masalah aset beku di Malaysia, namun terdapat isu yang berbangkit di sebalik pelaksanaannya. Setelah diteliti, terdapat hibah amanah yang dikomersialkan oleh beberapa buah institusi perancangan harta Islam di Malaysia yang mempunyai kesamaran dalam syarat pelaksanaannya yang menjadikannya tidak bertepatan dengan kehendak syariah.(Shofiyah Moidin et.al, 2023)⁶ Perkara ini terjadi kerana perbezaan aspek penyediaan dokumen dan kaedah pengurusan hibah yang telah diaplikasikan oleh institusi-institusi tersebut. Perbezaan dan kepelbagaiannya yang wujud secara tidak langsung telah memberikan kesan terhadap kesahan pelaksanaan hibah amanah dan keputusan perbicaraan di Mahkamah Syariah.

KONSEP HIBAH

Hibah didefinisikan dari sudut bahasa sebagai pemberian sama ada dalam bentuk

‘ain atau selainnya. Hibah ialah pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain dengan niat dan tujuan yang baik, tanpa ada sebarang syarat, imbalan atau balasan.⁷ Menurut Al-Syirbini (2006)⁸ pula menyatakan bahawa hibah ialah pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup dan dilakukan secara sukarela. Sebarang perpindahan hak atau harta daripada pemiliknya kepada pemberi hibah, dinamakan sebagai pemberian hadiah atau hibah.

Manakala, menurut Dr. Wahbah Al-Zuhaili (2010)⁹ hibah ialah pemberian meliputi hadiah dan sedekah, kerana hibah, sedekah, hadiah dan ‘*atiyyah* membawa makna yang hampir sama. Memberi dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah ini dipanggil sedekah. Jika menyampaikan sesuatu kepada orang yang dihadiahkan kerana sesuatu penghargaan dan kasih sayang padanya disebut sebagai hadiah atau hibah. ‘*Atiyyah* pula ialah pemberian semasa *maradul maut*. Pada istilah *syara’* ialah satu akad yang dapat memindah milik sesuatu tanpa perlu menukar ganti, kerana dibuat dengan sukarela. Majoriti ulamak telah bersepakat bahawa sesuatu pemberian hibah hanya sah dengan *ijab* (penawaran) dan *qabul* (penerimaan).¹⁰

Menurut Hukum Syarak amalan hibah ialah suatu amalan sunat dan digalakkan dalam Islam terutamanya kaum keluarga yang terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan al-Quran, as-Sunnah dan Ijmak. Antara ayat al-Quran yang menggalakkan amalan ini menerusi firman Allah SWT di dalam Surah Al Baqarah: *Maksud:* “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? *Katakanlah:* "Apa juia harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan

orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)”.¹¹

Berdasarkan beberapa pengertian di atas, jelaslah bahawa salah satu cara untuk merancang harta adalah dengan memberi hibah. Menurut Dr Wahbah Zuhaili (1999)¹², pelaksanaan hibah mesti memenuhi rukun iaitu *al-wahib*, *al-mawhub*, *al-mawhub lahu*, *sighah ijab* dan *qabul*.

1. Pemberi hibah (*al-wahib*)

Pemberi hibah perlu seorang berkelayakan iaitu yang sempurna akal, baligh dan *rusyd* (cerdik). Jika pemberi hibah memenuhi kriteria ini, Hukum Syarak memberi izin kepadaanya untuk menguruskan harta (*Itlaq Al-tasarruf*). Pemberi hibah juga mestilah memiliki harta yang dihibahkan secara hakikat atau secara hukum dan berkuasa penuh ke atas hartanya.

2. Penerima hibah (*al-mawhub lahu*)

Penerima hibah mestilah mempunyai keupayaan untuk memiliki harta sama ada mukallaf atau bukan mukallaf. Sekiranya penerima hibah adalah bukan mukallaf seperti belum akil baligh atau kurang upaya, maka hibah boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah.

3. Harta yang dihibahkan (*al-mawhub*)

Harta yang hendak dihibahkan itu mestilah harta yang suci di sisi Hukum Syarak. Harta tersebut mesti ditentukan dengan jelas, mempunyai manfaat yg diiktiraf di sisi Hukum Syarak, di bawah pemilikan pemberi

hibah, mampu diserahkan oleh pemberi dan diterima oleh penerima hibah.

4. Lafaz ijab dan kabul (*sighah*)

Lafaz ijab dan kabul merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Pemilikan hanya terhasil bila berlakunya *al-qabd* oleh penerima hibah jika diizinkan oleh pemberi hibah, iaitu bukan dengan semata-mata akad.¹³

Pemberian merupakan elemen yang diperlukan sebagai syarat kesempurnaan dalam hibah. Pandangan ini merupakan pendapat daripada Imam al-Thauri, Abu Hanifah, al-Syafi'i dan satu riwayat daripada Imam Ahmad. Pemberian hibah tidak terhad kepada sesiapa kerana mengikut hasrat pemberi hibah. Oleh itu, hibah boleh diberikan kepada waris ataupun sebaliknya, Islam atau bukan Islam, individu atau mana-mana badan. Sebagai contoh, seorang anak angkat boleh mendapat harta daripada bapa angkatnya melalui kaedah hibah.¹⁴

Hibah amanah ialah sebuah perjanjian amanah antara pemberi, pengamanah dan penerima (benefisiari). Ia melibatkan pemindahan harta daripada pemberi kepada pengamanah untuk faedah para benefisiari. Terdapat dua peringkat pemindahan harta iaitu pemindahan pertama mewujudkan hibah bersyarat. Seterusnya peringkat kedua untuk menjadikan harta terbabit sebagai amanah. Perjanjian amanah yang diwujudkan dengan melantik pemegang amanah semasa perjanjian sebagai Amanah daripada pemberi.¹⁵ Objektif hibah amanah ialah memastikan kesemua perbelanjaan terakhir si mati dilunaskan; memastikan harta yang harta yang dipindahkan mengikut hukum syariah; mewujudkan dana untuk benefisiari, seperti yang dirancang dan diinginkan oleh pemberi, memastikan kesemua hutang kepada Allah dan manusia

ditunaikan; memastikan pengagihan yang adil dan saksama kepada semua benefisiari, mengurangkan sebarang kerumitan dan kos semasa proses pemindahan harta kepada penerima masih hidup. Akhirnya, melindungi kepentingan pemberi semasa hayatnya.¹⁶

Hibah amanah merujuk kepada gabungan antara hibah mutlak dengan hibah melalui amanah.¹⁷ Selanjutnya, Hibah amanah mempunyai dua bentuk pelaksanaan antaranya ialah dengan membuat pengisytiharan amanah (tanpa membuat pemindahan harta) dan pemindahan harta dengan niat mewujudkan amanah.¹⁸

HIBAH AMANAH MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG

Perspektif fiqh

Berdasarkan perkara 833 Majalah AlAhkam Al Adliyyah menyatakan hibah itu memilikkan harta itu kepada orang lain dengan tiada tukaran. Sejarah terdahulu tidak merekodkan sebarang ijтиhad daripada ulamak terdahulu khusus berkaitan hibah amanah ini. Namun, ulamak kontemporari seperti Dr Wahbah al-Zuhaili telah menjelaskan seseorang penghibah boleh mensyaratkan manfaat daripada barang yang dihibah itu digunakan untuk dirinya sendiri selama hidup atau mengecualikan manfaat rumah yang dihibah untuk digunakan oleh pemberi hibah selama dia hidup. Amalan akad hibah bersyarat sah berdasarkan pandangan kontemporari Imam Syafie, sebilangan fuqaha Maliki dan Hanbali.¹⁹ Pada 5 Oktober 2004, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Majlis Fatwa) Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat kali ke 56 telah memutuskan bahawa akad hibah amanah yang mengamalkan hibah adalah dibenarkan atas beberapa sebab seperti berikut :

- Penghibah dan Penerima Benefisiari

bersetuju bahawa harta hibah diserah milik kepada dan dipegang oleh Institusi Amanah bagi pihak Benefisiari.

- Institusi Amanah akan memindah milik harta hibah kepada Benefisiari secara fizikal sama ada selepas kematian Penghibah atau ikut terma yang telah dipersetujui melalui Surat Ikatan Hibah.
- Dalam pelaksanaan Hibah Pemegang Amanah boleh melaksanakan fungsi sebagai orang tengah dan konsep ini tidak bercanggah dengan rukun dan syarat sah hibah kerana kedua-dua pihak bersetuju di atas pelantikan Pemegang Amanah tersebut.

Berdasarkan keputusan daripada Majlis Fatwa tersebut, Institusi Amanah akan memindah milik harta hibah kepada Benefisiari secara fizikal sama ada selepas kematian Penghibah atau ikut terma yang telah dipersetujui melalui Surat Ikatan Hibah. Nama penerima hibah hendaklah dimasukkan dalam surat ikatan amanah yang dilaksanakan selepas berlakunya ijab dan qabul antara keduanya. Walaupun begitu, dalam konteks ini, majoriti fuqaha bersetuju bahawa dalam apa-apa keadaan (kematian pemberi atau penerima), syarat ‘umra dan rugba tersebut tidak boleh diterima pakai dan harta hibah itu tetap menjadi milik penerima atau waris penerima. Di sini dapatlah disimpulkan bahawa terma hibah amanah yang mensyaratkan bahawa harta hibah amanah akan dikembalikan kepada pemberi hibah jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah berdasarkan syarat ‘umra dan rugba terbatal dan tidak terpakai. Dari segi amalannya, peletakan syarat, terutama syarat rugba hanya dibenarkan dalam perkara berkenaan dengan hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful berdasarkan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-34

bertarikh 21 April 2003. Kaedah yang sama juga diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Peletakan syarat *ruqba* juga dibenarkan dalam transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah, terutama akaun yang dipegang oleh orang Islam. Pegangan bersama dalam unit amanah bermaksud seseorang yang memegang unit amanah atau sebahagian daripadanya berdasarkan peruntukan dalam surat ikatan amanah bersama-sama dengan seseorang yang lain, yang juga dikenali sebagai pemegang bersama. Syarat *ruqba* dibenarkan bertujuan mencari jalan penyelesaian, jika timbulnya pertikaian apabila salah seorang daripada pemegang akaun bersama unit amanah meninggal dunia. Mengikut amalan semasa, dalam tabung unit amanah, apabila salah seorang meninggal dunia, yang hidup akan memperoleh kesemua simpanan dalam tabung berkenaan. Amalan ini berasaskan kaedah “survivorship”.²⁰

Perspektif perundangan

Dalam Polisi Dokumen Bank Negara Malaysia²¹, hibah ditakrifkan sebagai kontrak pemindahan pemilikan unilateral dirujuk sebagai aset Hibah daripada penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Dalam konteks urus niaga kewangan Islam, Hibah boleh diatur dengan kontrak atau konsep Syariah yang lain, iaitu Ijarah, Mudarabah, Musyarakah, Wakalah dan Qard dan disebut sebagai Pengaturan Hibah. Institusi Kewangan Islam boleh memberikan Hibah kepada pelanggan mengikut budi bicaranya sendiri tetapi tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh Syariah.

Merujuk kepada undang-undang Inggeris, pelaksanaan yang seakan-akan sama dengan hibah amanah ini telah lama dilaksanakan. Namun, terma yang digunakan adalah ‘*living trust*’. Hal ini dapat dilihat melalui kes *Milroy lwn*

*Lord*²² di mana Turner selaku Ketua Hakim menyatakan bahawa amanah boleh dibuat melalui dua cara. Pertama, pembuat amanah boleh memindahkan harta tersebut kepada pemegang amanah (*trustee*). Kedua, pemegang amanah mengisyiharkan bahawa pemegang amanah harta tersebut yang akan menguruskannya menggunakan konsep amanah. Dalam situasi ini, amanah itu hanya benar-benar terbentuk apabila harta amanah itu secara sah berpindah kepada pemegang amanah melalui kaedah formal yang ditetapkan oleh undang-undang. Dalam kes pembuat amanah mengisyiharkan harta yang ada padanya yang akan diuruskan menggunakan konsep amanah, hak milik harta amanah itu akan kekal terletak pada pembuat amanah yang pada masa yang sama menjadi pemegang amanah.²³

Tafsiran atau definisi terbaik bagi istilah amanah boleh dilihat dalam huraian atau keputusan penghakiman dalam kes Mary George (2005:27) dikemukakan oleh Lewin yang telah dirujuk oleh May J dalam kes Re Scott [1903] 1 Ch 1 sebagaimana berikut :-

“...the word *trusts* refer to the duty or aggregate of obligations that rest upon a person described as *trustee*. The responsibilities are in relation to the property held by him or under his control. That property he will be compelled by a court in its equitable jurisdiction to administer in the manner lawfully prescribed by the trust instrument or in the absence of such instrument in accordance with equitable principles. The administration will be in such a manner that all benefits accrue to the beneficiary and not the

trustee. If there are no beneficiaries then for a purpose that the law will recognize and enforce. Sometimes a trustee may be a beneficiary in which case the benefits will accrue to him to the extent of his beneficial interest... ”²⁴

Berdasarkan penghakiman di atas boleh disimpulkan bahawa amanah adalah sebuah instrumen pengurusan harta yang diiktiraf oleh undang-undang di mana satu tanggungjawab dibentuk kemudian diberikan kepada seseorang yang dikenali sebagai pemegang amanah untuk mengurus.²⁵ Selanjutnya, telah wujud pembentukan akad amanah ini melalui perundangan sivil dalam penghakiman Hashim Yeop Sani J dalam kes Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd. v Kim Guan & Co. Sdn. Bhd. [1979] 1 MLJ 182 yang merangkumi beberapa elemen yang perlu ada bagi membentuk amanah secara sah iaitu pihak yang membuat amanah, pemegang amanah, pihak yang mendapat manfaat harta amanah, harta amanah dan arahan yang dinyatakan dalam amanah. Adalah jelas kesemua elemen ini perlu dipenuhi dalam transaksi amanah agar ianya diiktiraf secara sah serta selari mengikut undang-undang.²⁶

Pada masa ini hanya negeri Kelantan telah mewartakan Enakmen Hibah 2022 pada tahun 2023²⁷ sebagai peruntukan perundangan substantif berkenaan hibah. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam menentukan keabsahan sesuatu hibah berdasarkan Perkara 74 (2) dan pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Kesemua peruntukan berkaitan hibah menggunakan istilah ‘alang semasa hidup’, atau ‘alang hayat’ atau ‘pemberian masa hidup’ atau ‘wasiat-wasiat atau pemberian daripada orang-orang yang beragama Islam pada ketika hendak mati’ bagi menunjukkan maksud kedudukan hibah itu sendiri.

Misalnya, istilah ‘alang semasa hidup’ diguna pakai dalam Seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Setakat ini, kebanyakan kes hibah yang dibawa ke mahkamah syariah berkaitan pengesahan hibah, hibah ketika *maradul maut* dan penarikan balik hibah.

ANALISIS PERBANDINGAN PRODUK-PRODUK HIBAH AMANAH YANG DILAKSANAKAN OLEH INSTITUSI PERANCANGAN HARTA ISLAM

Hibah amanah ditawarkan di Malaysia boleh dikategorikan melalui tiga buah institusi iaitu Institusi Kewangan Islam, Syarikat Amanah dan Majlis Agama Islam Negeri.

Produk hibah amanah As-Salihin Trustee Berhad (ASTB) ialah salah sebuah syarikat perancangan harta bagi orang Islam dan syarikat amanah yang pertama di Malaysia. ASTB telah dibentuk di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.²⁸ Antara produk yang ditawarkan di ASTB ialah produk yang menggabungkan unsur hibah dan amanah yang dipanggil sebagai Pri Hibah. Pri Hibah merupakan satu deklarasi pemilik harta terhadap aset yang dinyatakan di mana pihak ASTB bertindak dan bersetuju memegang aset itu bagi pihak penerima hibah yang telah dinamakan dan pemilik harta bersetuju memberikan hibah kepada penerima hibah tersebut. Maka, ASTB akan menjadi pemegang amanah kepada harta yang dihibahkan iaitu bermula daripada tarikh tandatangan hibah sehingga berlaku kematian pemberi hibah. Amalan hibah amanah yang ditawarkan di ASTB adalah bercirikan hibah al-Ruqba.

Selain itu, Amanah Raya Berhad (ARB) juga merupakan syarikat pengamanahan dan pewarisan yang menawarkan perkhidmatan hibah amanah kepada masyarakat. ARB ialah syarikat milik penuh kerajaan di bawah Menteri

Kewangan (Diperbadankan) dan dikawal selia oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pihak yang berminat untuk membuat hibah amanah bersama ARB hendaklah melengkapkan Borang Hibah Amanah Raya.²⁹ Berlainan dengan ASTB, ARB telah mempraktikkan hibah al-Umra dalam produk hibah amanah yang ditawarkan olehnya. Menurut Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam kali ke-15 pada 18 Ogos 2022 telah menjelaskan bahawa Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memperkenalkan Hibah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bagi pelabur Islam dan Pengisytiharan Amanah bagi pelabur bukan Islam.³⁰ ASNB dalam memastikan harta pewarisan dalam ASNB tersebut dapat diagihkan dengan lebih cepat kepada ahli waris ASNB menyediakan perkhidmatan hibah amanah kepada pemegang unit sahamnya. Perkhidmatan hibah amanah ini khusus kepada pemegang unit saham berdaftar. Apabila berlaku kematian, semua baki pelaburan unit amanah dalam tabung unit amanah yang dihibahkan oleh pemberi hibah akan dipindah milik kepada penerima hibah berdasarkan kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Surat Ikatan Hibah Amanah. Proses ini mencepatkan proses pentadbiran harta pusaka yang rumit dan Panjang.³¹

Tidak disangkal lagi penggunaan hibah amanah ini telah tersebar meluas ini kerana institusi kewangan turut menawarkan perkhidmatan hibah amanah ini termasuk Tabung Haji (TH). Hibah Amanah TH merupakan pemberian harta Hibah Amanah daripada akaun simpanan TH oleh Pemberi Hibah Amanah (pendeposit TH) semasa hidupnya kepada Penerima Hibah Amanah atas dasar kasih sayang, secara sukarela tanpa paksaan dan, tanpa mengenakan sebarang balasan serta berlakunya ijab qabul antara Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah. Harta Hibah Amanah ini akan dipegang oleh Pemberi Hibah Amanah yang bertindak sebagai Pemegang Amanah dan

akan diserah milik kepada Penerima Hibah Amanah selepas kematian Pemberi Hibah Amanah atau kepada waris Penerima Hibah Amanah sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu.³² Selain itu, Majlis Agama Islam Selangor turut menawarkan menyediakan perkhidmatan penyediaan Dokumen Perisyntihar Hibah dan pelaksanaan hibah selaras dengan Hukum Syarak dan undang-undang sedia ada sama ada hibah mutlak maupun hibah amanah.³³

ANALISIS PERUNDANGAN PELAKSANAAN HIBAH AMANAH OLEH INSTITUSI PERANCANGAN HARTA ISLAM

Kesamaran dalam syarat pelaksanaan hibah amanah

Hibah amanah merupakan produk hibrid baru pada masa kini tetapi Bank Negara Malaysia (BNM) hanya menyediakan kertas polisi berkaitan komponen hibah amanah yang bersifat umum sahaja tanpa sebarang garis panduan khusus atau mendalam berkaitan dengannya. Sedangkan, produk hibah amanah yang ditawarkan perlu kepada pematuhan pelbagai undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Kontrak 1950, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam serta undang-undang lain yang berkaitan dan juga ketentuan Hukum Syarak.³⁴

Senario ini menyebabkan terdapatnya kesamaran terhadap syarat yang diletakkan pada transaksi hibah amanah yang ditawarkan oleh segelintir institusi perancangan harta Islam. Isu-isu tersebut seperti perlentakan syarat *ta'lik* ke atas akad hibah, perlentakan syarat *taaruf* harta hibah kepada pemberi hibah, pemilikan (*tamlik*) dan serahan (*qabd*) dalam akad hibah. Berdasarkan fakta-fakta tersebut, jelaslah bahawa terdapat beberapa isu yang memerlukan kepada satu huraian dan jawapan yang jelas dari sudut Syariah

terhadap model hibah amanah yang telah ditawarkan oleh institusi perancangan harta Islam.³⁵

Kelompongan undang-undang berkaitan hibah amanah

Malaysia masih belum memperkenalkan sebarang undang-undang khusus berkaitan hibah yang boleh diaplakasikan secara seragam di peringkat persekutuan dan negeri-negeri sehingga kini.³⁶ Setakat ini, hibah telah dirujuk kepada peruntukan tertentu daripada pelbagai statut iaitu; Perlembagaan Persekutuan, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Kanun Tanah Negara, Akta Kontrak 1950, Akta Undang-Undang Sivil, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Akta Wilayah Persekutuan dan Enakmen Mahkamah Syariah. Bagi negeri-negeri di Malaysia, hanya Negeri Kelantan sahaja yang mempunyai undang-undang khusus mengenai hibah iaitu Enakmen Hibah 2022 yang telah diwartakan pada 23 Februari 2023.³⁷ Sebelum ini, terdapat cadangan untuk menggubal undang-undang hibah yang telah dibangkitkan dalam pelbagai majlis dan seminar sejak tahun 2004 lagi namun cadangan tersebut masih tidak diberi perhatian dan dipandang sepi oleh pihak kerajaan selaku penggubal undang-undang. Hal demikian adalah kerana peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia ini masih belum mencukupi dan tidak secara jelas menangani hibah secara terperinci. Bahkan, terdapat peruntukan yang bercanggah antara satu sama lain.³⁸

Ketidakselarasaran keputusan Hakim di Mahkamah Syariah dalam kes pengesahan hibah

Dalam beberapa keadaan, pemberian hibah boleh menyebabkan pertikaian dalam kalangan ahli waris. Situasi ini terjadi kerana terdapat ahli waris yang tidak mendapat sebarang harta dan merasakan pemberi hibah atau si mati

telah menzalimi mereka. Pertikaian ini juga berlaku kerana terdapat segelintir pemberi hibah yang merahsiakan pemberian tersebut daripada pengetahuan mereka. Faktor-faktor inilah yang mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli waris meskipun pemberian tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang dan Hukum Syarak. Tambahan pula, ia merupakan hak pemberi hibah untuk memberikan harta di bawah pemilikannya kepada sesiapa yang dikehendaki. Apabila wujudnya ketidakpuasan hati dalam kalangan ahli waris, sudah tentu terdapat ahli waris yang akan mencabar pemberian hibah tersebut di Mahkamah Syariah. Maka, dalam keadaan inilah kewujudan undang-undang hibah penting untuk mengurangkan sebarang pertikaian terutamanya selepas pemberian hibah disempurnakan.³⁹

Ketiadaan undang-undang khusus berkaitan hibah ini telah memberikan kesan kepada beberapa aspek seperti ketidakselarasaran keputusan yang diputuskan oleh Hakim di Mahkamah Syariah dalam kes pengesahan hibah. Hal yang demikian kerana Mahkamah Syariah tidak mengaplikasikan doktrin ‘ikatan duluan’ seperti yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Disebabkan itu, Hakim hanya memutuskan sesuatu isu hibah mengikut budi bicara dan kebijaksanaan masing-masing berpandukan keadaan semasa kes dan merujuk kepada pendapat-pendapat ulama’ yang berbeza. Undang-undang berkaitan hibah bukan sahaja diperlukan untuk rujukan dan panduan para hakim dalam membuat keputusan bagi kes pengesahan hibah. Bahkan, ia turut diperlukan oleh orang Islam khususnya di Malaysia dan pengamal-pengamal industri yang menawarkan produk hibah.⁴⁰ Isu ini perlu ditangani dengan serius bagi memastikan pelaksanaan hibah terutamanya hibah amanah dapat dilakukan dengan berkesan dan jayanya pada masa hadapan.⁴¹ Contohnya dalam kes antara *AB lwn MS*

dan NS [2019], Plaintiff telah memfailkan permohonan pengesahan hibah terhadap saham syarikat daripada arwah isterinya yang dihibahkan kepadanya sewaktu hidup. Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa hibah yang dibuat adalah sah. MS selaku Defendan 1 telah memfailkan kes ini ke Mahkamah Rayuan dengan alasan syarikat tersebut dalam gadaian sebuah bank sepetimana terdapat di dalam dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang dikemukakan sewaktu perbicaraan dan Perayu juga membangkitkan bahawa tidak dikemukakan sebarang dokumen kebenaran (*Consent Letter*) daripada bank tersebut sewaktu hibah dibuat. Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak permohonan Perayu serta mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah iaitu hibah yang dibuat oleh si mati kepada Plaintiff adalah sah.⁴²

Selanjutnya, dalam kes *SZCH & Satu Lagi lwn HCH*⁴³ yang merupakan kes rayuan di Shah Alam di mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak tuntutan Perayu atas alasan mereka gagal membuktikan elemen *qabd* (penguasaan) dalam kontrak hadiah, yang merupakan syarat untuk hadiah yang sah menurut mazhab Syafi'i. Namun Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah sebulat suara memutuskan bahawa Rayuan Perayu-perayu diterima serta mahkamah telah mensabitkan Hartanah GM xxx, No Lot xxx, Mukim Klang Negeri Selangor dan rumah-rumah sewa di atasnya adalah Hibah si mati Che Hat bin Che Ngah kepada Perayu-perayu dan Responden dan Responden dengan kadar pembahagian sama banyak dan dipegang secara amanah oleh Responden dengan mengambil kira tindakan si mati hadir ke pejabat SP2 untuk menukar nama tanah kepada Perayu 1, Perayu 2 dan Responden boleh dikatakan suatu bentuk *al-takhliyah* terhadap hibah yang dibuatnya. Oleh yang demikian Hakim Panel Rayuan telah berpuashati wujud *qabd* di dalam kes ini.

Manakala bagi kes hibah amanah boleh dirujuk di dalam kes BM v LBT [2023] 4 ShLR 1 di Mahkamah Rayuan Shah Alam telah memutuskan bahawa rayuan Perayu-perayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah ditolak dan Perintah YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikekalkan. Mahkamah Tinggi Syariah telah mensabitkan bahawa berdasarkan akuan amanah si mati yang dibuat di hadapan pentadbir tanah tersebut adalah sah.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Langkah menunaikan transaksi hibah amanah ini adalah harus diteruskan bagi menjaga kemaslahatan harta khususnya masyarakat Muslim di Malaysia. Pelbagai institusi-institusi sepetimana dinyatakan sebelum ini telah menawarkan perancangan harta melalui hibah amanah. Walaupun telah wujud dalam penghakiman-penghakiman yang diputuskan atas ketidakselarasannya namun usaha memperkasakan undang-undang khusus berkaitan hibah perlu ditingkatkan lagi sehingga menatijahkan seperti mana di Negeri Kelantan yang telah mewartakan Enakmen Hibah 2022. Kewujudan undang-undang secara khusus akan memberikan implikasi yang besar kepada penyelarasannya dalam penghakiman. Selain, dengan wujudnya rujukan perundangan yang jelas akan dapat meleraikan pertikaian hibah amanah dengan baik. Selain itu, dalam menjalankan undang-undang yang diwartakan pihak berwajib juga hendaklah memastikan bahawa segala klausa yang dipertanggungjawabkan oleh undang-undang telah bersedia contohnya persediaan jawatan-jawatan yang diwartakan dalam enakmen itu tersendiri supaya tidak wujud tohmahan kepada masyarakat awam di kemudian hari.

Pihak institusi-institusi perancangan harta juga perlu mengambil langkah proaktif serta dinamik dalam memastikan produk hibah yang ditawarkan tidak lagi dicabar di Mahkamah Syariah antaranya dengan memberi latihan yang mencukupi kepada agen-agen mahupun pegawai-pegawai yang dilantik dalam menjalankan pendokumentasian perjanjian hibah tersebut. Kualiti penyampaian akses dokumen hibah juga turut perlu dipertingkatkan lagi seiring dengan zaman kecerdasan buatan pada hari ini. Oleh itu, setiap masyarakat Muslim khususnya di

NOTA HUJUNG

¹ Mohamed Fouzi Mokhtar, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Ahmad Syukran Baharuddin, ‘Pembuktian Melalui Dokumen Dalam Kes-Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia’, (2020) 3(1) *INSLA e-Proceedings*, hlm 198.

² Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. Kepelbagaiannya Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 10(1): 31-41.

³ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, ‘Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia’, (2017) 29(2) *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, hlm 109-111.

⁴ Mohd Zamro Muda, Nur Nazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said, ‘Analisis Perundungan dan Kes Hibah Amanah di Malaysia’, Vol. 23: (June) 2023, *International Journal of Islamic Thought*, hlm 80.

⁵ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, ‘Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia’, (2017) 29(2) *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, hlm 109-111.

Malaysia perlu memainkan peranan masing-masing agar aspek perancangan harta Islam kita tidak ketinggalan jauh kerana Islam merupakan satu agama yang dinamik dalam memelihara soal kebijakan harta.

⁶ Shofiyah Moidin, Mohd Afandi Mat Rani, Faezy Adenan, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhamad Zuhaili Saiman, S. Salahudin Suyurno, Norazlina Mamat, Muhammad Hamizan Ab. Hamid & Muhammad Syahrul Deen Rosli, ‘Hibah Amanah di Industri Kewangan Islam di Malaysia: Analisa Isu Syariah Terhadap Syarat Akad Hibah’, (2023) 30(2) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 54.

⁷ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, ‘Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia’, (2017) 29(2) *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, hlm 109-111.

⁸ Al-Syirbini, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad. 2006. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadith.

⁹ Wahbah Al-Zuhaili, *Mausu'ah Al-Fiqh Al-Islamiah Wal Qodhoya Al-Muasiroh* (Jilid 4), Dar Al-Fikr, Damaskus, 2010, hlm 677-678.

¹⁰ Wahbah Al-Zuhaili, *Mausu'ah Al-Fiqh Al-Islamiah Wal Qodhoya Al-Muasiroh* (Jilid 4), Dar Al-Fikr, Damaskus, 2010, hlm 677-678.

¹¹ Al-Quran, 2:215.

¹² Wahbah al -Zuhaili, (Terj. Dr Ahamd Shahbari Salamon et.al) *Fiqh dan Perundungan Islam*. Jilid 5. 1999. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 1-28.

-
- ¹³ Muhammad bin Ahmad bin Umar Asy-Syathiri, *Syarh Al-Yaqut An-Nafis Fi Madzhab Ilni Idris*, Addarul Alamiyyah, Mesir, tahun 2018, hlm 495-496 & 501-503.
- ¹⁴ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 'Kepelbagai Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur', (2018) 10(1) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 32.
- ¹⁵ Sadali Rasban, *Hibah Amanah*, HTHT Advisory Services Pte Ltd, Singapore, 2018, hlm 95.
- ¹⁶ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 'Kepelbagai Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur', (2018) 10(1) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 32.
- ¹⁷ Nor Azlina binti Abd Wahab, Norajila binti Che Man, Norafifah binti Ab Hamid, Pengurusan Harta Dalam Islam: Hibah sebagai instrument dalam menjamin kemaslahatan masyarakat di alam Melayu, (2015) : *ICOMHAC (International Conference on Malays Heritage and Civilisation 2015*, hlm 284.
- ¹⁸ Ahmad Termizi Abdullah, *Hibah Amanah*, Pustaka Mizi, Kuala Lumpur, 2020, hlm 10.
- ¹⁹ Shofiyah Moidin, Mohd Afandi Mat Rani, Faezy Adenan, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhamad Zuhaili Saiman, S. Salahudin Suyurno, Norazlina Mamat, Muhammad Hamizan Ab. Hamid & Muhammad Syahrul Deen Rosli, 'Hibah Amanah di Industri Kewangan Islam di Malaysia: Analisa Isu Syariah Terhadap Syarat Akad Hibah', (2023) 30(2) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 54.
- ²⁰ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, 'Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia', (2017) 29(2) *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, hlm 109-111.
- ²¹ Bank Negara Malaysia. *Polisi Dokumen Hibah*. 2016., Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ²² (1862) 4 De G.F. & J.
- ²³ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, 'Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia', (2017) 29(2) *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, hlm 94-95.
- ²⁴ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, *Hibah dalam Undang-undang Islam : Prinsip & Amalan*, UTM press Johor, 2011, hlm 28.
- ²⁵ Mohd Zamro Muda, Nur Nazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said, 'Analisis Perundungan dan Kes Hibah Amanah di Malaysia', Vol. 23: (June) 2023, *International Journal of Islamic Thought*, hlm 80.
- ²⁶ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, *Hibah dalam Undang-undang Islam : Prinsip & Amalan*, UTM press Johor, 2011, hlm 29.
- ²⁷ Kerajaan Negeri Kelantan, 'Rang Undang-Undang/ Enakmen', *Laman Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Kelantan*, 2023, https://dewan.kelantan.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=83&Itemid=126 [17 Mei 2024].
- ²⁸ Alias Azhar, 'Amalan Hibah Di Syarikat Amanah: Satu Kajian Kes Di As-Salihin Trustee Berhad', (2018) 5(1) *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, hlm 22.
- ²⁹ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor, *Hibah Komersial: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur dan Amalan di Malaysia*, Seminar Waqf Iqlimi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, 2014, hlm 545-546.
- ³⁰ Dr. Ahmad Basri Ibrahim, *Amalan Hibah Dalam Kewangan Islam : Pelaksanaan Hibah Amanah Di Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)*, kertas kerja pembentangan muzakarah penasihat syariah kewangan Islam kali ke 15, 18 ogos 2022, hlm 16.
- ³¹ Nor Azlina binti Abd Wahab, Norajila binti Che Man, Norafifah binti Ab Hamid, Pengurusan Harta Dalam Islam: Hibah

sebagai instrument dalam menjamin kemaslahatan masyarakat di alam Melayu, (2015) : *ICOMHAC (International Conference on Malays Heritage and Civilisation 2015)*, hlm 284.

³² Tabung Haji, ‘Perkhidmatan Hibah Amanah’, *Laman Web Rasmi Dewan Tabung Haji*, <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/perkhidmatan/hibah-amanah-th> [26hb Jun 2024].

³³ Majlis Agama Islam Selangor, ‘Perkhidmatan Hibah’ *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <https://mais.gov.my/perkhidmatan-hibah/>, [26hb Jun 2024].

³⁴ Mohd Yazid Zulkepli & Tajul Aris Ahmad Bustami, ‘The Grey Side of Hibah Amanah As Inheritance Instrument in Malaysia’, (2019) 24(2) *Journal of Islamic Thought and Civilization of The International Islamic University Malaysia (IIUM)*, p 281.

³⁵ Shofiyah Moidin, Mohd Afandi Mat Rani, Faezy Adenan, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhammad Zuhaili Saiman, S. Salahudin Suyurno, Norazlina Mamat, Muhammad Hamizan Ab. Hamid & Muhammad Syahrul Deen Rosli, ‘Hibah Amanah di Industri Kewangan Islam di Malaysia: Analisa Isu Syariah Terhadap Syarat Akad Hibah’, (2023) 30(2) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 49.

³⁶ Amylia Fuziana Azmi, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mohamad Zaharuddin Zakaria, ‘Hibah As An Alternative Method of Distribution in Malaysia: The Importance of Using Social Media As A Medium in Raising Muslims’ Awareness About Hibah Products’, (2020) 22(1) *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, p 199.

³⁷ Kerajaan Negeri Kelantan, ‘Rang Undang-Undang/ Enakmen’, *Laman Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Kelantan*, 2023, https://dewan.kelantan.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=83&Itemid=126 [17 Mei 2024].

³⁸ Amylia Fuziana Azmi, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mohamad Zaharuddin Zakaria, ‘Hibah As An Alternative Method of Distribution in Malaysia: The Importance of Using Social Media As A Medium in Raising Muslims’ Awareness About Hibah Products’, (2020) 22(1) *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, hlm 200.

³⁹ Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zaman & Rosamiza Meor Razak, ‘Analisis Tema Terhadap Keperluan Undang-Undang Hibah di Malaysia’, (2019) 16(1) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 3.

⁴⁰ Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zaman & Rosamiza Meor Razak, ‘Analisis Tema Terhadap Keperluan Undang-Undang Hibah di Malaysia’, (2019) 16(1) *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, hlm 2-3.

⁴¹ Amylia Fuziana Azmi, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mohamad Zaharuddin Zakaria, ‘Hibah As An Alternative Method of Distribution in Malaysia: The Importance of Using Social Media As A Medium in Raising Muslims’ Awareness About Hibah Products’, (2020) 22(1) *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, p 199.

⁴² Tidak Dilaporkan.

⁴³ [2016] SLRAU 5.

RUJUKAN

Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. Kepelbagaiannya Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 10(1): 31-41.

Ahmad Basri Ibrahim. 2022. *Amalan Hibah Dalam Kewangan Islam : Pelaksanaan Hibah Amanah Di Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)*. Kertas kerja pembentangan muzakarah penasihat syariah kewangan Islam kali ke 15.

Ahmad Termizi Abdullah. 2020. *Hibah*

-
- Amanah.* Kuala Lumpur : Pustaka Mizi.
- Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia* 29(2): 90-115.
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. Hibah Komersial: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur dan Amalan di Malaysia. *Seminar Waqf Iqlimi*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.
- Alias Azhar. 2018. Amalan Hibah Di Syarikat Amanah: Satu Kajian Kes Di As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5(1): 11-29.
- Amylia Fuziana Azmi, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mohamad Zaharuddin Zakaria. 2020. Hibah As An Alternative Method of Distribution in Malaysia: The Importance of Using Social Media As A Medium in Raising Muslims' Awareness About Hibah Products. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 198-204.
- Kerajaan Negeri Kelantan. 2023. Rang Undang-Undang/ Enakmen. *Laman Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Kelantan*.
https://dewan.kelantan.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=83&Itemid=126 [17 Mei 2024].
- Majlis Agama Islam Selangor. Perkhidmatan Hibah. *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*.
<https://mais.gov.my/perkhidmatan-hibah/> [26hb Jun 2024].
- Mohamed Fouzi Mokhtar, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Ahmad Syukran Baharuddin. 2020. Pembuktian Melalui Dokumen Dalam Kes-Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. *INSLA e-Proceedings* 3(1): 194-206.
- Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zaman & Rosamiza Meor Razak. 2019. Analisis Tema Terhadap Keperluan Undang-Undang Hibah di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 16(1): 1-13.
- Mohd Yazid Zulkepli & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2019. The Grey Side of Hibah Amanah As Inheritance Instrument in Malaysia. *Journal of Islamic Thought and Civilization of The International Islamic University Malaysia (IIUM)* 24(2): 267-292.
- Mohd Zamro Muda, Nur Nazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said. 2022. Sorotan Literatur Pelaksanaan Hibah Amanah Hartanah di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 27(1): 1-12.
- Mohd Zamro Muda, Nur Nazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said. 2023. Analisis Perundungan dan Kes Hibah Amanah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought* 23(June): 79-90.
- Muhammad bin Ahmad bin Umar Asy-Syathiri. 2018. *Syarh Al-Yaqut An-Nafis Fi Madzhab Ilni Idris*. Mesir: Addarul Alamiyyah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip & Amalan*. Johor: UTM Press.
- Nor Azlina binti Abd Wahab, Norajila binti Che Man, Norafifah binti Ab Hamid. 2015. Pengurusan Harta Dalam Islam:

Hibah sebagai instrument dalam menjamin kemaslahatan masyarakat di alam Melayu. *ICOMHAC (International Conference on Malays Heritage and Civilisation.* 276-289.

Sadali Rasban. 2018. *Hibah Amanah.* Singapore: HTHT Advisory Services Pte Ltd.

Shawaliah Hadir. 2021. Hibah amanah elak pertikaian pengurusan harta. *Malaysia Gazette.*
<https://malaysiagazette.com/2021/10/3/hibah-amanah-mudahkan-pengurusan-harta-elak-pertikaian-dan-pengagihan-terbantut/> [17 Mei 2024].

Shofiyah Moidin, Mohd Afandi Mat Rani, Faezy Adenan, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhamad Zuhaili Saiman, S. Salahudin Suyurno, Norazlina Mamat, Muhammad Hamizan Ab. Hamid & Muhammad Syahrul Deen Rosli. 2023. Hibah Amanah di Industri Kewangan Islam di Malaysia: Analisa Isu Syariah Terhadap Syarat Akad Hibah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 30(2): 48-59.

Tabung Haji. Perkhidmatan Hibah Amanah. *Laman Web Rasmi Dewan Tabung Haji.*
<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/perkhidmatan/hibah-amanah-th> [26hb Jun 2024].

Wahbah Al-Zuhaili. 2010. *Mausu'ah Al-Fiqh Al-Islamiah Wal Qodhoya Al-Muasiroh* (Jilid 4). Damaskus: Dar Al-Fikr.

Ubaidullah Asyraf Ahmad Shokeri
 Suite 06-01, 6th Floor, Wisma TKS,
 Jalan Sultan Azlan Shah,
 51200 Kuala Lumpur.

E-mel : ubaidullahasyraf@gmail.com

Ruzian Markom (Pengarang Koresponden)
 Fakulti Undang-undang
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 E-mel : ruzian@ukm.edu.my

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif
 Fakulti Undang-undang
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 E-mel: izzatamsyar@ukm.edu.my